

EDISI
JULAI 2026



Untuk
layari laman
sesawang wadah
imbas kod QR ini.

JOM SCAN



NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DI AMBANG PERUBAHAN DUNIA: KE MANA KITA HENDAK MEMBAWA UMMAH?

DATO' AHMAD AZAM ABDUL RAHMAN
Presiden Wadah Pencerdasan Umat
Malaysia (WADAH)

Dunia sedang berubah dengan begitu pantas. Kemajuan teknologi, kecerdasan buatan (AI), persaingan kuasa besar, krisis kemanusiaan, keruntuhan institusi keluarga dan kekeliruan nilai sedang membentuk sebuah landskap baharu yang penuh cabaran. Dalam arus perubahan ini, umat Islam tidak boleh sekadar menjadi pemerhati. Persoalan yang jauh lebih penting ialah: **ke manakah kita hendak membawa ummah ini?**

Lebih setengah abad yang lalu, Maulana Abul Hasan Ali al-Nadwi telah mengingatkan dunia melalui karya *Apa Kerugian Dunia Akibat Kelemahan Umat Islam*. Beliau menjelaskan bahawa apabila umat Islam kehilangan peranan sebagai pembimbing peradaban, bukan umat sahaja yang rugi, bahkan seluruh dunia kehilangan pedoman moral dan spiritual. Kekosongan itu akhirnya dipenuhi oleh materialisme, hedonisme dan pelbagai bentuk jahiliah moden.

Hari ini, manusia semakin maju dari sudut teknologi tetapi semakin gelisah jiwanya. Kemurungan, kesunyian, peperangan, ketidakadilan ekonomi dan kemusnahan alam sekitar menjadi petanda bahawa kemajuan material semata-mata tidak mam-

pu memberikan makna kepada kehidupan.

Allah SWT mengingatkan:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

"Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami akan membukakan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi."

(Surah al-A'raf, 7:96)

Ayat ini mengingatkan kita bahawa kesejahteraan sesebuah masyarakat tidak hanya bergantung kepada kemajuan ekonomi dan teknologi, tetapi bermula daripada hubungan manusia dengan Allah serta penghayatan nilai-nilai yang dibimbing oleh wahyu.

Rasulullah SAW juga pernah mengingatkan bahawa akan tiba suatu zaman apabila umat Islam menjadi ramai tetapi lemah,



seperti buih di lautan. Punca kelemahan itu ialah al-wahn — cinta dunia yang melampau dan takut menghadapi pengorbanan. Penyakit inilah yang menjadikan umat hilang keberanian mempertahankan prinsip, lebih mementingkan keselesaan daripada amanah, dan akhirnya kehilangan peranan sebagai peneraju masyarakat.

Namun al-Quran tidak pernah membiarkan umat tenggelam dalam keputusan. Kisah Nabi Musa AS ketika berhadapan dengan Firaun memberikan satu gambaran yang amat relevan sepanjang zaman. Ketika para penyihir memperlihatkan kehebatan yang menggerunkan, Allah memerintahkan Nabi Musa supaya melemparkan tongkatnya. Dengan izin Allah, tongkat yang kelihatan biasa itu menelan seluruh ilusi dan kepalsuan yang dipersembahkan oleh para penyihir.

Hakikatnya, kekuatan sebenar bukan terletak pada kehebatan propaganda atau kuasa material, tetapi pada kebenaran yang bersandarkan kepada Allah. Inilah mesej besar yang perlu difahami oleh umat Islam hari ini. Kebatilan sering kelihatan hebat kerana ia dipersembahkan melalui media, teknologi dan kuasa ekonomi. Namun apabila kebenaran disampaikan dengan ilmu, iman dan keyakinan, ia tetap memiliki kekuatan untuk mengatasi segala kepalsuan.

Hari ini, "Firaun" moden muncul dalam pelbagai bentuk. Ada yang menolak agama daripada kehidupan awam, mengagungkan kebendaan sebagai matlamat hidup, atau menormalisasikan nilai yang bercanggah dengan fitrah manusia. Media sosial dan kecerdasan buatan pula mampu membentuk persepsi sehingga manusia sukar membezakan antara hakikat dan ilusi.

Walau bagaimanapun, umat Islam masih memiliki "tongkat" yang sama. Tongkat itu ialah al-Quran dan Sunnah, kekuatan tauhid, tradisi ilmu, tarbiyah yang membina jiwa serta keberanian menyatakan kebenaran dengan hikmah. Persoalannya bukan sama ada kita memiliki tongkat itu atau tidak, tetapi sama ada kita berani menggunakannya.

Justeru, kebangkitan ummah mesti bermula daripada pembinaan manusia. Tauhid perlu kembali menjadi asas pembentukan jiwa. Tarbiyah perlu melahirkan individu yang bebas daripada penyakit *al-wahn*. Umat juga perlu tampil sebagai **syuhada' 'ala al-nas** — saksi kepada manusia — dengan membuktikan bahawa Islam mampu menawarkan penyelesaian terhadap krisis kemanusiaan, kemiskinan, keruntuhan institusi keluarga, ketidakadilan sosial dan kerosakan alam sekitar.

Dalam masa yang sama, umat Islam perlu kembali menjadi peneraju peradaban. Kepimpinan ti-

dak lagi diukur hanya melalui kekuatan politik atau ekonomi, tetapi melalui kemampuan membina masyarakat yang adil, berintegriti, berilmu dan berakhlak. Dunia hari ini sedang mencari model pembangunan yang lebih seimbang antara kemajuan material dan kesejahteraan rohani. Islam memiliki jawapan itu, tetapi jawapan tersebut mesti diterjemahkan melalui contoh kehidupan, dasar, institusi dan kepimpinan yang berwibawa.

Perubahan besar tidak pernah bermula dengan bilangan yang ramai. Ia bermula daripada sekumpulan insan yang memiliki keyakinan, ilmu dan istiqamah. Sejarah membuktikan bahawa setiap kebangkitan tamadun bermula daripada pembinaan manusia sebelum pembinaan institusi.

Di sinilah peranan gerakan dakwah seperti WADAH menjadi semakin penting. WADAH bukan sekadar sebuah organisasi, tetapi sebuah gerakan pencerdasan umat yang menghubungkan dakwah, tarbiyah, pemikiran dan amal kemasyarakatan. Misinya ialah membawa manusia daripada kekeliruan kepada kefahaman, daripada ketakutan kepada keyakinan, daripada kelemahan kepada kekuatan, dan daripada menjadi penonton kepada peneraju perubahan.

Di ambang perubahan dunia yang semakin mencabar ini, umat Islam tidak mempunyai pilihan selain bangkit semula sebagai **khayra ummah**.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

"Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia; kamu menyuruh kepada yang makruf, mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah."

(Surah Ali 'Imran, 3:110)

Menjadi *khayra ummah* bukan sekadar suatu gelaran, tetapi amanah untuk memimpin manusia menuju keadilan, rahmah dan kesejahteraan sejagat. Dunia sedang menunggu suara yang membawa harapan. Tongkat kebenaran itu masih berada di tangan kita. Yang diperlukan hanyalah keberanian untuk melemparkannya dengan penuh keyakinan kepada Allah.

Apabila umat kembali memimpin dengan ilmu, akhlak, hikmah dan amal, insya-Allah dunia sekali lagi akan menyaksikan bahawa Islam bukan ancaman kepada manusia, tetapi rahmat untuk seluruh alam.

DATO' AHMAD AZAM AB RAHMAN
Presiden WADAH

MEMBINA JAMBATAN, BUKAN TEMBOK: ADAB IKHTILAF DALAM MASYARAKAT MAJMUK



Malaysia sedang melalui zaman yang menguji kebijaksanaan seluruh rakyat dalam mengurus perbezaan pandangan di tengah kepelbagaian kaum dan agama. Ruang awam hari ini semakin panas—media sosial yang sepatutnya menjadi wadah ilmu bertukar menjadi medan tuduhan dan penghinaan, manakala budaya melabel menjadikan setiap perbezaan pendapat seolah-olah permusuhan. Isu-isu sensitif agama, kaum dan institusi negara dibicarakan tergesa-gesa tanpa tabayyun dan tanpa mengambil kira kesan terhadap keharmonian. **Kebebasan bersuara adalah hak asasi, namun ia tidak boleh dipisahkan daripada tanggungjawab—hak mengkritik bukan lesen menghina, hak berbeza pandangan bukan alasan menyebarkan fitnah, dan hak mempertahankan prinsip tidak boleh merendahkan martabat insan lain.** Jalan keluar bukan dengan membungkam perbincangan, tetapi membina budaya wacana yang berilmu, berhemah dan bertanggungjawab, kerana negara tidak akan kuat jika rakyat saling membenci, dan umat tidak akan mulia jika kebenaran disampaikan dengan bahasa yang melukakan.

Membina budaya wacana berilmu dan berhemah memerlukan komitmen kolektif semua pihak. Pemimpin dan ahli politik perlu menjadi teladan dengan mengutamakan perbincangan membina dan menjauhi ucapan menghasut. Pendidik dan ibu bapa bertanggungjawab menanam budaya tabayyun dan adab berbeza pendapat sejak usia muda, manakala pempengaruh dan pengguna media sosial perlu sedar impak setiap perkongsian terhadap masyarakat. Tokoh agama dan aktivis pula harus terus menjadi pembawa suara keadilan dan rahmat, mengingatkan bahawa Islam mengajar umatnya menjadi pendamai, bukan pencetus konflik. Akhirnya, rakyat Malaysia perlu menerima bahawa perbezaan pandangan adalah lumrah, tetapi perbezaan tidak seharusnya membawa kepada perpecahan. Inilah saatnya kita semua menjadikan *adab ikhtilaf* sebagai budaya nasional, kerana hanya dengan itu kita dapat membina Malaysia yang matang, bersatu dan berdaya saing.

Adab Ikhtilaf Sebagai Budaya Nasional

Perbezaan pendapat (ikhtilaf) adalah lumrah dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, namun ia perlu diurus dengan adab agar menjadi rahmat, bukan bencana. ***Adab ikhtilaf*** mengajar kita berbeza pandangan tanpa kehilangan akhlak, menyanggah dengan hujah tanpa menghina, dan mempertahankan prinsip tanpa menzalimi pihak lain. Isu-isu semasa seperti polemik kuil haram, garis panduan 3R, polarisasi politik di media sosial, serta kesan geopolitik global terhadap ekonomi rakyat, semuanya mencerminkan betapa perlunya kita mengamalkan tabayyun, budaya dialog dan bahasa yang menyatukan. **Tanpa adab, setiap perbezaan akan ditafsir sebagai permusuhan dan ruang perbincangan menjadi medan pertelingkahan yang mengancam paduan nasional.**

Menjadikan ***adab ikhtilaf*** sebagai budaya nasional adalah keperluan mendesak untuk menjamin keamanan dan kemandirian budaya bangsa Malaysia. Negara ini tidak memerlukan rakyat yang seragam fikirannya, tetapi rakyat yang matang—mampu berbeza pendapat tanpa meruntuhkan persaudaraan, berdialog tanpa saling menghina, dan menegakkan kebenaran tanpa melukakan hati. Inilah kematangan bernegara yang sejati: apabila kepelbagaian menjadi perhiasan, bukan retakan; apabila kata-kata menjadi ubat, bukan racun. Dengan menghayati ***adab ikhtilaf***, kita memelihara keharmonian hari ini dan mewariskan budaya bangsa yang beradab serta bermaruah untuk generasi akan datang.

Umat Islam Sebagai Umat Pendamai

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, umat Islam memikul tanggungjawab besar untuk menjadi umat yang membawa rahmah, bukan menambah keresahan—bukan dengan berkompromi terhadap prinsip atau berdiam diri ketika kebenaran perlu dipertahankan, tetapi dengan menzahirkan Islam melalui ilmu, hikmah dan akhlak yang mulia. **Mempertahankan Islam tidak memerlukan kita menghina**

agama lain; mempertahankan kedudukan Melayu dan Bumiputera tidak harus merendahkan martabat kaum lain; dan membela hak mana-mana kelompok tidak wajar dilakukan dengan mencabar sensitiviti masyarakat secara provokatif.

Di tengah suasana yang mudah dipanaskan oleh sentimen, umat Islam seharusnya menjadi pendamai, penyuluh dan pembina jambatan—kerana kekuatan umat bukan hanya pada keberanian bersuara, tetapi pada kebijaksanaan memilih bahasa yang membawa manusia kembali kepada keadilan, rahmah dan persaudaraan. **Di sinilah pendekatan wasatiyyah yang telah diusahakan oleh YAB DS Anwar Ibrahim dalam pemerintahan sekarang menerusi prinsip berteraskan Malaysia Madani.** Ianya perlu terus dihidupkan—bukan sebagai sikap lemah atau tidak berpendirian, tetapi sebagai keberanian untuk berada di jalan yang adil, seimbang dan berprinsip; ia menolak kebencian tanpa membisu terhadap kezaliman, dan menyeru perpaduan tanpa menutup mata terhadap ketidakadilan. Inilah manifestasi sebenar Islam sebagai agama rahmat bagi sekalian alam, yang membawa keamanan bukan hanya untuk umat Islam, tetapi untuk seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.

Peranan Kita dalam Mencerdaskan Wacana Awam

Sebagai gerakan Islam yang membawa misi islah dan pencerahan, WADAH perlu terus menjadi pelopor dalam **membina budaya wacana yang matang—bermula dari cara kita menulis, berbicara, memberi respons, berkongsi berita, dan menyantuni perbezaan dengan penuh adab.** Di dunia yang terlalu cepat marah dan melabel, kita perlu menjadi kelompok yang menyejukkan suasana—mengajak masyarakat berfikir dengan tenang dan adil, mengangkat wacana daripada kebencian kepada rahmah, daripada fitnah kepada fakta, daripada perbalahan kepada persaudaraan, dan daripada emosi kepada kebijaksanaan. **Inilah medan dakwah dan islah kita pada hari ini:** mencerdaskan umat bukan sekadar menambah ilmu, tetapi membimbing masyarakat menggunakan ilmu dengan hikmah dan bertanggungjawab.

Membina Malaysia yang matang dan bersatu memerlukan jiwa besar, akhlak mulia, dan keberanian berlaku adil terhadap sesiapa pun, tanpa mengira perbezaan pandangan. Dalam negara majmuk, kekuatan umat Islam bukan pada keberanian semata, tetapi pada kebijaksanaan mengurus perbezaan dengan rahmah dan hikmah. Inilah jalan islah yang kita bawa: membina masyarakat beradab, negara adil, dan Malaysia yang benar-benar Madani, sebagai manifestasi Islam rahmat bagi sekalian alam.



DISKUSI MADANI BERSAMA SYEIKH DR. AHMAD AL-RAYSUNI ANGKAT INTEGRITI ILMU DAN PERANAN ISLAH GERAKAN ISLAM



18 JUN 2026, PUTRAJAYA — WADAH telah menganjurkan program hibrid Diskusi Madani: Dialogue on Contemporary Political Islam and Current Challenges in the Muslim World di Zenith Hotel, Putrajaya, dengan penyertaan lebih daripada 60 wakil NGO, institusi pengajian, ilmuwan dan aktivis dakwah. Program ini menampilkan Prof. Syeikh Dr. Ahmad al-Raysuni, Tokoh Maal

Hijrah Antarabangsa 1448H, yang menegaskan kewajipan ilmuwan dan pendakwah memelihara amanah, integriti, keberanian serta keadilan dalam menyampaikan kebenaran.

Beliau turut mengingatkan agar Maqasid Syariah tidak dipisahkan daripada al-Quran dan Sunnah atau digunakan secara longgar bagi mengabsahkan kepentingan politik. Gerakan Islam diseru supaya terus

memberi keutamaan kepada agenda dakwah, tarbiah dan pembangunan masyarakat, di samping bersikap terbuka tetapi kritis terhadap ilmu daripada tamadun luar. Syeikh Dr. Ahmad al-Raysuni turut menekankan kepentingan penglibatan wanita dalam pendidikan, kerjaya dan kepimpinan, serta tanggungjawab bersama suami isteri dalam membina institusi keluarga yang stabil.

17 JUN 2026, KAJANG — WADAH telah menganjurkan Siri Forum Kepimpinan Madani di Dewan Besar, Kolej Dar al-Hikmah, Sungai Ramal, dengan menghimpunkan ahli akademik, pimpinan masyarakat dan mahasiswa. Forum ini menampilkan Datuk Mustaffa Kamil Ayub menerusi pembentangan bertajuk “Gerakan Membangun Generasi Madani Global Abad 21”, yang memperkenalkan kerangka MEGA 21 sebagai panduan membina generasi seimbang dari sudut spiritual, intelektual, emosi dan fizikal.

Dalam pembentangannya, beliau menelusuri perkembangan konsep masyarakat Madani daripada Sahifah Madinah, tamadun Baghdad dan Andalusia, serta gagasan tokoh seperti Al-Farabi, Ibn Miskawih dan Ibn Khaldun. Kerangka MEGA 21 diketengahkan bagi mengembalikan makna Madani kepada asas peradaban yang berpaksikan nilai ketuhanan, kemampanan, kesejahteraan, hormat, ihsan, keyakinan dan daya cipta, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai peneraju wacana Madani di peringkat global.

Forum diteruskan dengan diskusi



SIRI FORUM KEPIMPINAN MADANI GARISKAN NARATIF PEMBINAAN GENERASI GLOBAL ABAD KE-21

panel yang dikendalikan oleh Dr. Muhamad Razak Idris bersama Dr. Norazlan Hadi Yaacob dan Prof. Madya Dr. Mashitah Sulaiman, yang membincangkan penguasaan kecerdasan buatan, ancaman fitnah digital dan keperluan membina integriti ilmu dalam kalangan generasi muda. Program diakhiri dengan seruan agar umat tidak meninggalkan generasi yang lemah, sebaliknya mempergiat penguasaan sains, teknologi dan proses



islah secara berterusan, selaras dengan komitmen WADAH dalam melahirkan barisan pelapis yang berprinsip, berdaya tahan dan mampu memimpin masa depan negara.

TAMRIN WAP TERENGGANU ANGKAT ILMU, DAKWAH, AMANAH DAN UKHUWAH

12-13 JUN 2026, KUALA NERUS

— Tamrin WAP Peringkat Negeri Terengganu telah berlangsung di Dara Inn, Tok Jembal, Kuala Nerus, dengan tema “Menyemarakkan Gerakan, Mengukuhkan Ukuwah, Membina Masyarakat Berilmu & Berintegriti”. Program dua hari ini menjadi ruang penyelarasan fikrah, pengukuhan tarbiah dan pemantapan gerak kerja antara



pimpinan serta penggerak WADAH, ABIM dan PKPIM di peringkat negeri.

Sepanjang program, para peserta mengikuti beberapa slot utama merangkumi pengukuhan gerakan syukur dalam masyarakat, peranan SALWA dalam pembangunan dakwah komuniti, penyatuan politik Melayu, RTD cabaran dakwah di Terengganu serta forum

gerakan yang melibatkan WADAH, ABIM dan PKPIM. Pengisian turut disusun secara bersepadu dengan solat berjemaah, kuliah Maghrib, qiamullail dan kuliah Subuh bagi memastikan aspek kerohanian menjadi asas kepada pembinaan kader gerakan.

Program diteruskan pada hari kedua dengan RTD Strategi Pengukuhan Gerakan, disusuli bicara khatimah mengenai visi gerakan oleh Presiden WADAH sebelum diakhiri dengan sesi resolusi dan penutup. Penganjuran tamrin ini memperlihatkan komitmen bersama untuk menggerakkan agenda ilmu, dakwah, amanah dan ukuwah ke arah pembinaan masyarakat Terengganu yang lebih cemerlang, berintegriti dan berpaksikan nilai perjuangan Islam.



TAMRIN NAHDAH WAP SELANGOR 2026 MANTAPKAN UKHUWAH DAN GERAKAN KADER



12-14 JUN 2026, KAJANG — Tamrin Nahdah WAP Selangor 2026 telah berlangsung selama tiga hari di Kolej Dar al-Hikmah, Kajang, sebagai ruang pembinaan fikrah, penyelarasan gerak kerja dan pengukuhan ukuwah dalam kalangan warga gerakan WAP Selangor. Program ini menghimpunkan para peserta dalam suasana tarbiah bagi memperteguh komitmen terhadap agenda dakwah dan pem-

binaan masyarakat.

Penganjuran tamrin ini menjadi medan penting untuk memperbaharui kefahaman perjuangan, memantapkan kesatuan saf serta menyegarkan kembali peranan ahli dalam mendepani cabaran semasa. Melalui pendekatan permukiman, para peserta berpeluang membina hubungan lebih dekat, berkongsi pengalaman dan menilai semula keutamaan gerakan di peringkat negeri.

Secara keseluruhannya, Tamrin Nahdah WAP Selangor 2026 memperlihatkan komitmen berterusan WAP Selangor dalam membina kader yang berilmu, berdisiplin dan bersedia menyumbang kepada masyarakat. Program ini diharap menjadi pemangkin kepada gerak kerja yang lebih tersusun, bersepadu dan berkesan dalam memperkukuh agenda dakwah serta khidmat umat di Selangor.



PERMUKIMAN NAHDAH JOHOR BEDAH TIGA KRISIS SEMASA MELALUI SIRAH NABAWIYYAH

20 JUN 2026, BANDAR PENAWAR — WADAH Negeri Johor dengan kerjasama ABIM Negeri Johor dan Kesatuan Pelajar Islam Johor (KPIJ) telah menganjurkan Permukiman Nahdah Johor di Kompleks Rakan Muda Desaru, Bandar Penawar. Program ini menghimpunkan pimpinan, aktivis jemaah dan penggerak muda dari seluruh negeri bagi menilai cabaran semasa serta merumuskan haluan strategik gerakan.

Dalam slot utama bertajuk *“Krisis Tenaga, Krisis Politik, Ancaman Luar dari Sudut Sirah Nabawiyah dan Kaitannya Masa Kini: Apa Pendirian Kita?”*, Presiden WADAH, Dato’ Haji Ahmad Azam Ab Rahman, menekankan prinsip tadarruj dalam dakwah yang bermula dengan pembinaan diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Beliau turut mengaitkan krisis ekonomi, pergolakan politik dalaman dan tekanan kuasa luar yang dihadapi umat hari ini dengan cabaran yang pernah ditempuh oleh masyarakat Madinah.

Sebagai panduan tindakan, beliau menggariskan tiga kekuatan utama, iaitu semangat jihad yang berdisiplin, kesatuan jemaah dan tawakal kepada Allah SWT. Mengambil ibrah daripada peristiwa Fathu Makkah, para peserta diingatkan bahawa kemenangan perlu berasaskan keadilan, kesabaran dan sifat pemaaf, manakala intipati permukiman perlu diterjemahkan melalui tindakan tersusun di peringkat komuniti dan akar umbi.





PERMUKIMAN NGO MADANI NEGERI SEMBILAN KUPAS KRISIS GLOBAL DAN ISU PELARIAN

19 - 21 JUN 2026, REMBAU — Permukiman Kepimpinan NGO Madani Negeri Sembilan 2026 telah berlangsung selama tiga hari di Pusat Latihan Akademi Kenegaraan Malaysia, Ulu Sepri, Rembau. Program anjuran bersama WADAH Negeri Sembilan, SALWA Negeri Sembilan, ABIM Negeri Sembilan, Persatuan Pelajar Islam Negeri Sembilan, KUDHUS dan Akademi Kenegaraan Malaysia ini menghimpunkan pimpinan, aktivis dakwah serta pelapis gerakan sivil bagi memperhalusi hala tuju perjuangan dan peranan NGO dalam mendepani cabaran semasa.

Dalam slot utama, Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, menegaskan bahawa perjuangan gerakan Islam perlu berpaksikan sunnah Rasulullah SAW secara menyeluruh, merangkumi dakwah, kebajikan, politik dan pembinaan negara. Beliau turut membedah "tiga serangkai krisis" yang melibatkan cabaran tenaga dan ekonomi, krisis politik dalaman serta ancaman luar dengan mengambil ibrah daripada strategi Rasulullah SAW di Madinah melalui pengukuhan rohani, disiplin perjuangan, kesatuan jemaah dan takwal kepada Allah SWT.

Isu pelarian, khususnya etnik Rohingya, turut diberi perhatian dengan penegasan bahawa umat Islam perlu melihat mereka berdasarkan nilai kemanusiaan dan semangat kesatuan ummah, bukan semata-mata melalui batas negara bangsa. Mengambil teladan masyarakat Madinah yang menghimpunkan pelbagai bangsa dan latar belakang, beliau menyeru umat agar menolak sikap asabiah serta terus membela golongan rentan. permukiman ini diakhiri dengan komitmen bersama untuk memantapkan jaringan tarbiah, kebajikan sivil dan gerakan masyarakat berteraskan rahmah.



MAJLIS MEMPERINGATI SETAHUN PEMERGIAN PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY TEKAD SAMBUNG JEJAK PENCERAH UMAT

27 JUN 2026, KAJANG — Majlis Memperingati Setahun Pemergian Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty telah berlangsung di Kolej Dar al-Hikmah, Sungai Ramal, dengan menghimpunkan pimpinan masyarakat sivil, ahli akademik, aktivis dakwah, anak murid dan ahli keluarga almarhum. Program anjuran bersama Nadwah Ilmuwan, Kolej Dar al-Hikmah, WADAH, ABIM, PKPIM dan Pusat Infaq WADAH ini menjadi ruang mengenang jasa serta sumbangan besar almarhum terhadap pemikiran umat, gerakan dakwah dan pembangunan negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Yasin dan tahlil, diikuti iftar, makan malam serta solat Maghrib berjemaah. Sesi Bicara Pemikiran kemudiannya

menampilkan YB Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan Othman dan Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil sebagai ahli panel, dengan Tuan Haji Shahrhan Kassim bertindak selaku moderator.

Perbincangan mengangkat legasi almarhum sebagai murabbi dan cendekiawan yang membimbing umat melalui pendekatan ilmu yang seimbang, budaya dialog serta pemikiran yang jauh daripada kebencian melampau. Wakil keluarga turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terus mendoakan dan memelihara legasi keilmuan beliau, sekali gus menegaskan tekad bersama untuk menyambung jejak almarhum sebagai pencerah umat.



RTD PENCARI SUAKA POLITIK GARISKAN CABARAN DAN SOLUSI MASA DEPAN



15 JUN 2026, KAJANG — Kolej Dar al-Hikmah dengan kerjasama ABIM, Global Peace Mission Malaysia (GPM) dan Malaysian Relief Agency (MRA) telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (RTD) bertajuk "Pencari Suaka Politik di Malaysia: Cabaran dan Solusi Masa Depan". Sesi ini menghimpunkan kira-kira 50 orang wakil NGO serta pelajar KDH bagi membincangkan realiti semasa, cabaran dasar dan keperluan perlindungan yang lebih menyeluruh terhadap golongan pencari suaka politik di Malaysia.

Majlis turut dihadiri oleh Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman dalam kapasiti beliau sebagai Pesuruhjaya SUHAKAM dan Presiden WADAH. Perbincangan tersebut menghasilkan beberapa cadangan pelan tindakan yang akan diperhalusi untuk pelaksanaan, manakala resolusi utama hasil RTD dibentangkan semasa Persidangan Hari Pelarian Sedunia 2026.





WADAH RAI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DALAM MAJLIS APRESIASI DAN PERPISAHAN

5 JUN 2026, SUNGAI MERAB — Majlis Apresiasi dan Perpisahan Pelajar Latihan Industri WADAH 2026 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Anjung Rahmat bagi meraikan serta menghargai sumbangan para pelajar sepanjang tempoh penempatan mereka di WADAH. Majlis diisi dengan perkongsian dakwah oleh Saudara Ahmad, Saudari Athirah, Saudara Akif dan Saudari Fatmah, diikuti ucapan wakil organisasi oleh Puan Lathifah Ulfa serta Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad, sebelum disempurnakan dengan penyampaian cenderamata, sesi bergambar dan jamuan ringkas.



SYARAHAN MADANI ABAD KE-21 KUPAS PERKEMBANGAN KETAMADUNAN ISLAM, TIMUR DAN BARAT

3 JUN 2026, GOMBAK — Syarahan Madani Abad Ke-21 Siri 1 bertajuk “Madani Malaysia Perintis Ketamadunan Madani dalam Sejarah: Islam, Timur dan Barat” telah berlangsung di Dewan Senat, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Syarahan tersebut disampaikan oleh Rektor UIAM merangkap Penyandang Kursi Al-Ghazali, Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, dan turut dihadiri Presiden WADAH, Dato’ Haji Ahmad Azam Ab Rahman.

Program ini menghimpunkan ahli WAP Pusat, negeri serta agensi bagi mendalami perkembangan konsep Madani dalam sejarah peradaban Islam, Timur dan Barat. Syarahan ini turut menjadi medan memperluas kefahaman tentang peranan Malaysia dalam membangunkan ketamadunan Madani yang berteraskan ilmu, nilai dan kesejahteraan umat.





WACANA MUSLIM ASIA TENGGERA LANCAR EMPAT KARYA JEJAK MUSLIM KEMBOJA DAN METERAI DUA MoU

8 JUN 2026, KAJANG — Program *Wacana Muslim Asia Tenggara dan Peluncuran Buku Jejak Muslim Kemboja* telah berlangsung di Kolej Dar al-Hikmah (KDH), Sungai Ramal, dengan menghimpunkan para sarjana dan pengkaji bagi membincangkan perkembangan serta dinamika masyarakat Muslim di rantau Asia Tenggara. Sebanyak empat buah karya Dr. Mohamad Zain Musa berkaitan sejarah dan kehidupan masyarakat Muslim Kemboja telah diluncurkan oleh Presiden KDH merangkap Presiden

WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman.

Program tersebut turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman antara KDH dengan Sekretariat Kajian Muslim Asia Tenggara (SEKATA), serta antara KDH dengan Pertubuhan Jiwa Kasih. Kerjasama ini membuka ruang kepada peluasan jaringan akademik, penyelidikan dan program kemasyarakatan, khususnya dalam memperkaya dokumentasi serta pemahaman mengenai komuniti Muslim di Kemboja dan Asia Tenggara.



MUZAKARAH STRATEGIK KEPIMPINAN YADIM TAMPILKAN BICARA EKSKLUSIF DATO' AHMAD AZAM

15 JUN 2026, PUTRAJAYA — Muzakarah Strategik Kepimpinan YADIM telah menampilkan Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, sebagai penceramah dalam sesi Bicara Eksklusif yang berlangsung di YADIM, Putrajaya. Program yang diadakan dari jam 8.30 malam hingga 10.00 malam itu menghimpunkan barisan kepimpinan YADIM dalam sebuah wacana strategik berkaitan peranan dan tanggungjawab kepimpinan dakwah.

Sesi tersebut menjadi ruang untuk memperhalusi hala tuju gerakan, mendepani cabaran semasa serta meningkatkan kesiapsiagaan kepimpinan dalam menyampaikan agenda dakwah kepada masyarakat. Perkongsian ini turut menekankan kepentingan pendekatan yang tersusun, berpandangan jauh dan berpaksikan nilai dalam memimpin organisasi serta menangani perubahan semasa.



PRESIDEN WADAH TEKANKAN AMANAH DAN KEADILAN DALAM RETREAT KE-8 SALIMAH

27 JUN 2026, KEPALA BATAS — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menyampaikan ceramah dalam Retreat Ke-8 SALIMAH yang berlangsung pada 26 hingga 28 Jun 2026 di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas, Pulau Pinang. Program ini menjadi ruang pembinaan kepimpinan dan pengukuhan gerakan wanita, dengan penekanan terhadap nilai perjuangan, amanah serta tanggungjawab sosial dalam masyarakat.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa perjuangan perlu dipandu oleh prinsip keadilan dan ketaatan kepada Allah SWT. Pesanan beliau bahawa "Apabila kezaliman dilakukan maka hilanglah keberkatan dan putuslah rahmat Allah SWT" menjadi peringatan penting kepada peserta agar terus menjaga integriti, menjauhi kezaliman dan melaksanakan amanah gerakan dengan penuh keinsafan.



USRAH GABUNGAN WAP WILAYAH PERSEKUTUAN KUPAS 'TIGA SERANGKAI KRISIS' BERDASARKAN SIRAH NABAWIYYAH



10 JUN 2026, BUKIT BINTANG — WAP Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Usrah Gabungan di OOBB, menghimpunkan para aktivis usrah, pimpinan masyarakat dan kader gerakan dari sekitar ibu kota. Dalam pengisian bertajuk "*Krisis Tenaga, Krisis Politik dan Ancaman Luar dari Sudut Sirah Nabawiyyah dan Kaitannya Masa Kini: Apa Pendirian Kita?*", Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, menegaskan bahawa pembaikan umat perlu bermula secara bertahap daripada diri, keluarga, masyarakat hingga ke peringkat negara. Beliau turut mengingatkan bahawa krisis rohani dalam gerakan bermula apabila asas pembinaan insan diabaikan, sedangkan kekuatan perubahan bergantung pada hati yang hidup, disiplin dan keteguhan nilai.

Beliau kemudian mengaitkan tiga cabaran utama di Madinah dengan realiti semasa, iaitu tekanan ekonomi dan monopoli, krisis politik dalaman serta ancaman luar terhadap kedaulatan. Sebagai jalan keluar, gerakan Islam diseru menghidupkan semangat jihad yang berdisiplin, membina kesatuan antara NGO Islam dan memperteguh tawakal tanpa tunduk kepada tekanan. Mengambil ibrah daripada Fathu Makkah, beliau menekankan bahawa kemenangan perlu dipimpin oleh kesabaran, keadilan dan hikmah, bukan dendam, dengan perubahan yang digerakkan secara istiqamah bermula dari keluarga hingga ke peringkat negara.



USRAH GABUNGAN KOMUNITI SEPANGGAR HIMPUNKAN 350 PESERTA PELBAGAI LAPISAN



20 JUN 2026, KOTA KINABALU

— Usrah Gabungan Komuniti Sepanggar telah berlangsung di Masjid Al-Falah, Kampung Tebobon, Menggatal, sebagai susulan kepada pelancarannya pada 17 Mei lalu. Program anjuran bersama WADAH Sabah, UKKWA, Pejabat Khidmat Rakyat Parlimen P171 Sepanggar, YADIM Sabah, Masjid Al-Falah, SALWA, ABIM dan PKPIM ini memberi tumpuan kepada komuniti masjid serta penduduk Kampung Tebobon dan kawasan sekitarnya, dengan kehadiran kira-kira 350 peserta daripada pelbagai lapisan umur.

Antara pengisian program ialah bacaan doa al-Ma'thurat, ceramah bertajuk "*Hubbul Watan: Apa Peranan Kita?*" serta sesi pengenalan kepada usrah unit. Majlis turut dihadiri YB Datuk Mustapha Sakmud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak) merangkap Ahli Parlimen Sepanggar, yang menyempurnakan penutupan program serta menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim.



KOMPLEKS PENDIDIKAN AL UMMAH TERIMA SIJIL CERTIFICATE OF PRACTICAL COMPLETION

10 JUN 2026, IPOH — Majlis Penyerahan Certificate of Practical Completion (CPC) bagi Kompleks Pendidikan Al Ummah telah berlangsung di Pejabat WADAH Negeri Perak. CPC merupakan sijil pengesahan bahawa projek pembinaan telah mencapai tahap siap secara praktikal dan bangunan boleh digunakan. Sijil tersebut diserahkan oleh Tuan Haji Razlan Abd Rahim, wakil Roslan Omar Architects selaku ketua konsultan, kepada Pengarah WADAH Construction Sdn. Bhd., Dr. Abd Razak Ali.

WADAH Construction Sdn. Bhd. kemudiannya menyerahkan CPC berkenaan kepada Kompleks Pendidikan Al Ummah yang diwakili pengerusinya, Tuan Haji Mohd Nasir Kamarudin. Dalam majlis yang sama, pihak kompleks turut menyerahkan surat kebenaran menduduki kepada Madrasah Al-Hikmah (MADAH), yang diterima oleh Dr. Yahya Osman bagi pihak Pengerusi JPS MADAH, Ustazah Kalsom Awang.



PUSAT TUNAS NAHDAH PARLIMEN LUMUT ANJUR MAJLIS SANTAI HI-TEA REMAJA



13 JUN 2026, MANJUNG — Pusat Tunas Nahdah Parlimen Lumut telah menganjurkan Majlis Santai Hi-Tea Remaja di Restoran Walid dan Ummi, Manjung, sebagai usaha merapatkan ukhuwah serta membina jaringan sokongan sosial yang sihat dalam kalangan anak muda. Program ini menghimpunkan alumni SERI Al-Ummah Manjung, bekas pelajar TASKI ABIM, peserta Kembara Ilmu serta belia dan beliawanis sekitar Manjung menerusi sesi taaruf, perkongsian santai berkaitan cabaran dunia remaja dan diskusi bermakna. Penganjuran ini diharapkan dapat membentuk komuniti remaja yang cerdas, berakhlak dan cakna terhadap kebajikan ummah, di samping menyediakan ruang alternatif yang lebih positif daripada pengaruh negatif media sosial.



USRAH GABUNGAN STAF AGENSI TEKANKAN PENDEKATAN BERHIKMAH DALAM DAKWAH KEPADA BUKAN MUSLIM



18 JUN 2026, KOTA BHARU — Usrah Gabungan Staf Agensi WADAH Kelantan Kali Ke-7/2026 bertajuk “*Dakwah kepada Bukan Muslim: Satu Keperluan Mendesak*” telah berlangsung di Bilik Seminar Al-Hikmah dengan penyertaan seramai 30 orang peserta. Program anjuran Maktab WADAH Kelantan

yang menampilkan Tuan Haji Mohd Nizam Ismail sebagai tetamu utama ini menekankan kepentingan menyampaikan ajaran Islam melalui komunikasi yang jelas, penerangan secara ber hikmah serta keperibadian yang ramah dan berakhlak mulia dalam mendekati masyarakat bukan Islam.

SCAN UNTUK
SUMBANGAN



WADAH KELANTAN ANJUR BENGKEL SIASAH PILIHAN RAYA KELANTAN

26 JUN 2026, KOTA BHARU — WADAH Kelantan melalui Portfolio Siasah dan Kepimpinan dengan kerjasama Maktab telah menganjurkan Bengkel Siasah: Pilihan Raya Kelantan di Bilik Seminar Al-Hikmah. Program tertutup ini menghimpunkan seramai 40 peserta terdiri daripada guru-guru SERI, staf Pejabat PUWAP serta ahli WADAH, ABIM dan SALWA bagi membincangkan perkembangan

semasa politik Malaysia.

Bengkel ini turut memberi tumpuan kepada usaha memantapkan kefahaman siasah, kesatuan jemaah dan peranan ahli dalam mendepani landskap politik semasa. Program menampilkan Ustaz Datuk Nakhaie Ahmad, wakil Malaysia dalam Majlis Hukama' Muslimin, sebagai tetamu utama bagi menyampaikan pandangan dan panduan kepada para peserta.



PERTEMUAN BERSAMA GURU PBA REC PULAU PINANG PERJELAS ISU SEMASA ROHINGYA



29 JUN 2026, PERMATANG PAUH — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, bersama Pengarah Eksekutif JREC, Datin Nur Azlina Abdul Aziz, telah mengadakan pertemuan bersama guru-guru Pusat Bimbingan Alternatif Rakan Generasi Cemerlang (PBA REC) Pulau Pinang di Pusat Tunas Nahdah, Permatang Pauh. Turut hadir pimpinan WADAH Negeri Pulau Pinang, iaitu Naib Pengerusi, Tuan Haji Hamdan Hassan, Setiausaha, Encik Syed Mikael Rizal Aidid, Ketua SALWA, Puan Nor Hayati Abu Bakar dan Exco, Tuan Haji Salim Embi. Pertemuan ini bertujuan menjelaskan perkembangan semasa isu Rohingya serta memperhalusi hala tuju pendidikan bagi komuniti tersebut.

Dalam perkongsian, Dato' Haji Ahmad Azam menjelaskan realiti yang dihadapi masyarakat Rohingya, termasuk kehilangan hak kewarganegaraan, keterbatasan akses kepada pendidikan, pekerjaan dan kesihatan, selain risiko eksploitasi serta pemerdagangan manusia. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada para guru yang terus istiqamah mendidik anak-anak Rohingya dan memberi jaminan bahawa usaha memperluas sokongan kepada PBA REC akan dilaksanakan secara berperingkat. Pertemuan ini diharap dapat meningkatkan kefahaman para pendidik, menguatkan semangat mereka dan memastikan akses pendidikan anak-anak Rohingya terus dipertahankan.



WADAH CONDEMNS THE LIFE PRISON SENTENCE AGAINST RACHED GHANNOUCHI AND ENNAHDHA LEADERS: JUSTICE MUST NOT BE USED AS A POLITICAL WEAPON

5 JUN 2026

The Movement for an Informed Society Malaysia (WADAH) expresses deep concern and strong condemnation over the shocking life prison sentence imposed on Sheikh Rached Ghannouchi, the leader of the Ennahdha Party, together with several other party leaders in Tunisia.

WADAH views this action as excessive, disproportionate and deeply alarming, particularly in the context of the continued shrinking of democratic space, the suppression of political opposition and the apparent use of judicial processes to silence dissenting voices in Tunisia.

Sheikh Rached Ghannouchi is not merely a political figure. He is widely recognised as an important contemporary Muslim thinker and a long-standing advocate of peaceful political participation, democratic engagement, moderation and national dialogue. To impose a life prison sentence on an 84-year-old statesman under highly contested circumstances raises serious questions about the credibility, fairness and independence of the judicial process.

WADAH strongly believes that justice must never be reduced to an instrument of political revenge. Any legal process, especially one involving opposition leaders and public figures, must uphold the highest standards of fairness, transparency, due process, the right to defence and judicial independence.

The reported secrecy surrounding the proceedings, the political background of the case, and the revival of old allegations that had previously been addressed through judicial processes only deepen public concern that this trial may be politically motivated rather than grounded in the pursuit of truth and justice.

In this regard, WADAH declares the following:

1 WADAH condemns the life prison sentence and other severe punishments imposed on Sheikh Rached Ghannouchi and Ennahdha leaders, which appear excessive, unjust and politically charged.

2 WADAH calls for an immediate review of the verdicts through a transparent, independent and fair judicial process, with full respect for the rights of the accused and their defence teams.

3 WADAH urges the Tunisian authorities to release all political prisoners and to end the use of judicial proceedings as a means to eliminate political opponents.



4 WADAH calls upon the Tunisian government to restore democratic space, protect civil liberties and return to the spirit of national dialogue and constitutional governance.

5 WADAH urges the Organisation of Islamic Cooperation, international human rights organisations, civil society movements and the global Muslim community to pay urgent attention to the worsening political situation in Tunisia and to call for justice, due process and the protection of democratic rights.

WADAH believes that true national stability cannot be built through the imprisonment of political opponents. Stability can only be achieved through justice, reconciliation, inclusive dialogue, respect for the rule of law and the restoration of public trust in state institutions.

Tunisia was once regarded as a beacon of hope for democratic transition in the Arab world. That hope must not be extinguished by authoritarian measures that close political space and weaken the foundations of justice.

Allah SWT says in the Qur'an:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

"And when you judge between people, judge with justice."

Surah al-Nisa': 58

WADAH stands in solidarity with the principles of justice, peaceful political participation, democratic freedom and the right of the Tunisian people to shape their national future without intimidation, repression or the misuse of judicial institutions.

AZIZUDDIN AHMAD

General Secretary

The Movement for an Informed Society Malaysia (WADAH)

KETEPATAN ISTILAH PENTING DALAM MENYATAKAN PENDIRIAN TERHADAP PENCEROBOHAN MASJID AL-AQSA



6 JUN 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyambut baik pendirian tegas Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri yang mengutuk sekeras-kerasnya tindakan pencerobohan ke atas Masjid Al-Aqsa oleh kelompok Zionis Israel.

WADAH menghargai komitmen berterusan Malaysia dalam mempertahankan kesucian Masjid Al-Aqsa, mendukung hak rakyat Palestin serta menolak sebarang bentuk pencabulan terhadap tempat suci umat Islam di Baitulmaqdis. Pendirian ini juga selari dengan ketegasan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang sebelum ini secara konsisten menyatakan bantahan keras Malaysia terhadap pencerobohan dan kezaliman Israel terhadap rakyat Palestin.

Namun demikian, WADAH ingin menegaskan bahawa ketepatan istilah dalam kenyataan rasmi kerajaan adalah amat penting, khususnya dalam isu yang melibatkan penjajahan, pencerobohan dan kezaliman berterusan ke atas rakyat Palestin.

Dalam konteks ini, istilah "peneroka" wajar dielakkan kerana ia boleh membawa maksud yang lebih neutral, lunak atau seolah-olah menggambarkan suatu bentuk penempatan yang sah. Realitinya, kelompok Zionis yang memasuki kawasan suci Masjid Al-Aqsa secara provokatif bukanlah peneroka, sebaliknya mereka ialah penceroboh haram Zionis.

Penggunaan istilah yang tepat bukan sekadar soal bahasa, tetapi mencerminkan pendirian moral, politik dan diplomatik sesebuah negara. Istilah yang longgar boleh mengaburkan hakikat bahawa Zionis Israel merupakan kuasa penjajah, manakala rakyat Palestin adalah mangsa penindasan yang berhak mempertahankan tanah air, maruah dan tempat suci mereka.

WADAH berpandangan bahawa setiap kenyataan rasmi kerajaan, khususnya yang dikeluarkan oleh kementerian, agensi dan jurucakap rasmi, perlu lebih cermat agar tidak secara tidak sengaja menormalisasikan naratif penjajah atau melembutkan tindakan pencerobohan yang jelas melanggar prinsip keadilan dan kemanusiaan.

Pencerobohan terhadap Masjid Al-Aqsa, termasuk tindakan mengibarkan bendera Zionis Israel di kawasan suci tersebut, merupakan provokasi terang-terangan dan sebahagian daripada usaha sistematik untuk mengubah identiti sejarah, budaya dan agama Baitulmaqdis.

Sehubungan itu, WADAH menggesa Kerajaan Malaysia agar terus tampil dengan pendirian yang jelas, tegas dan berprinsip dalam isu Palestin, termasuk melalui penggunaan istilah yang benar-benar menggambarkan realiti penjajahan dan pencerobohan yang sedang berlaku.

WADAH turut menyeru masyarakat antarabangsa, khususnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Kerjasama Islam dan negara-negara umat Islam, agar segera mengambil tindakan konkrit bagi menghentikan pencabulan berulang terhadap Masjid Al-Aqsa serta memastikan rejim Zionis Israel dipertanggungjawabkan atas segala pelanggaran yang dilakukan.

WADAH kekal berdiri teguh bersama rakyat Palestin dalam perjuangan mereka menuntut kemerdekaan, keadilan dan pembebasan tanah air daripada penjajahan Zionis Israel.

"MENGANGKAT MARTABAT UMAT"

AZIZUDDIN AHMAD

Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

ISU PELARIAN PERLU DITANGANI DENGAN DASAR BERHEMAH, BERPERIKEMANUSIAAN DAN BERASASKAN KARAMAH INSAN



18 JUN 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengambil maklum cadangan supaya kerajaan meneliti pendekatan lebih tersusun dalam menangani isu pelarian yang telah berada di Malaysia, termasuk kemungkinan membenarkan golongan yang layak menyertai pasaran kerja secara sah dan terkawal dalam sektor tertentu. Cadangan tersebut dilaporkan bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada pengambilan pekerja asing baharu serta membantu menangani isu kekurangan tenaga kerja dalam sektor tertentu.

WADAH berpandangan bahawa isu pelarian perlu dilihat secara menyeluruh, bukan hanya dari sudut keselamatan dan ekonomi, tetapi juga dari sudut kemanusiaan, kestabilan sosial, penguatkuasaan undang-undang dan tanggungjawab moral terhadap golongan rentan.

Dalam konteks ini, WADAH menegaskan bahawa negara sememangnya berhak menjaga kedaulatan sempadan, keselamatan rakyat dan kepentingan ekonomi tempatan. Namun, pendekatan tersebut perlu diseimbangkan dengan dasar yang teratur, adil dan berperikemanusiaan agar golongan pelarian tidak terus berada dalam ruang tidak formal yang mudah membuka ruang kepada eksploitasi, salah faham dan ketegangan sosial.

WADAH berpandangan bahawa pemberian akses kerja secara sah, terhad dan terkawal kepada pelarian yang layak boleh dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada penyelesaian dasar yang lebih realistik. Langkah ini mestilah dilaksanakan melalui mekanisme

pendaftaran yang ketat, tapisan keselamatan, had sektor pekerjaan yang jelas, pemantauan majikan, perlindungan daripada eksploitasi serta kawalan supaya tidak menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan.

Pada masa yang sama, WADAH menyeru masyarakat agar membincangkan isu pelarian dengan adab, fakta dan pertimbangan yang seimbang. Kebimbangan terhadap isu sosial, keselamatan dan ekonomi adalah wajar untuk dibincangkan, namun ia tidak seharusnya membawa kepada penghinaan, kebencian melampau atau penafian terhadap maruah manusia.

Islam mengajar umatnya untuk berlaku adil, memelihara kehormatan insan dan menolak sebarang bentuk kezaliman. Prinsip karamah insan menuntut agar setiap manusia dilihat sebagai makhluk yang memiliki maruah, meskipun berbeza bangsa, status, latar negara atau kedudukan sosial.

Sehubungan itu, WADAH menggesa kerajaan agar membangunkan satu kerangka dasar pelarian yang lebih menyeluruh, merangkumi aspek pendaftaran, keselamatan, pekerjaan terkawal, pendidikan asas, perlindungan kanak-kanak, kesihatan awam, penguatkuasaan undang-undang serta kerjasama dengan badan antarabangsa dan pertubuhan masyarakat sivil.

WADAH juga menekankan bahawa sebarang dasar berkaitan pelarian hendaklah disampaikan kepada masyarakat secara telus agar rakyat memahami rasional, had pelaksanaan dan mekanisme kawalan yang akan digunakan. Penjelasan yang baik penting bagi mengelakkan salah faham, sentimen tidak terkawal dan manipulasi isu oleh pihak tertentu.

WADAH percaya bahawa pendekatan yang berhemah, berasaskan fakta dan berpaksikan nilai kemanusiaan mampu membantu negara mengurus isu pelarian dengan lebih stabil, selamat dan bermaruah. Mengangkat karamah insan bukan bermaksud mengabaikan kepentingan rakyat tempatan, sebaliknya memastikan penyelesaian yang diambil tidak meminggirkan prinsip keadilan, ihsan dan tanggungjawab kemasyarakatan.

AZIZUDDIN AHMAD

Setiasusaha Agung

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

WADAH MENOLAK KENYATAAN DATO' TENG CHAN KIM BERHUBUNG PEMBINAAN MASJID WARISAN DI TRX MENIMBUL KETIDAKHARMONIAN



20 JUN 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) memandang serius kenyataan yang diperkatakan oleh seorang pemimpin DAP, Dato' Teng Chan Kim berhubung cadangan pembinaan Masjid Warisan di kawasan TRX. WADAH berpandangan bahawa kenyataan tersebut tidak mencerminkan semangat saling menghormati, kefahaman terhadap sejarah dan kedudukan Islam dalam negara serta aspirasi pembinaan sebuah masyarakat majmuk yang harmoni.

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan, di samping agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Justeru, pembinaan masjid sebagai institusi ibadah, pendidikan dan pembangunan masyarakat adalah sebahagian daripada hak dan identiti negara yang tidak sepatutnya dipolemikkan secara sempit.

WADAH menegaskan bahawa masjid bukan sekadar tempat solat, malah menjadi pusat pembinaan tamadun, perpaduan, kebajikan dan pengukuhan nilai kemanusiaan. Sejarah Islam membuktikan bahawa masjid berfungsi sebagai pusat ilmu, dialog, pembangunan ekonomi dan penyelesaian masalah masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.

Dalam konteks pembangunan TRX sebagai mercu tanda kewangan dan kemajuan negara, kewujudan sebuah Masjid Warisan mampu menjadi simbol keseimbangan

antara pembangunan material dan pembangunan spiritual. Kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui bangunan pencakar langit dan kemajuan ekonomi, tetapi juga melalui kekuatan nilai, akhlak dan identiti kebudayaan yang menjadi asas pembinaan bangsa.

Firman Allah SWT:

"Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah milik Allah, maka janganlah kamu menyembah seseorang pun di dalamnya selain Allah." (Surah al-Jinn: 18)

Allah SWT juga berfirman:

"Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat..." (Surah al-Taubah: 18)

WADAH menyeru semua pihak agar mengelakkan kenyataan yang boleh menimbulkan ketegangan antara agama dan kaum. Sebaliknya, budaya dialog, saling menghormati dan memahami kerangka Perlembagaan Persekutuan hendaklah menjadi asas dalam menangani isu-isu berkaitan kepentingan awam.

Dalam masa yang sama, WADAH mengingatkan bahawa pembinaan sebuah negara MADANI menuntut setiap pihak menghormati hak dan sensitiviti masyarakat berbilang kaum serta mengelakkan retorik yang boleh menghakis keharmonian nasional.

WADAH menyokong segala usaha pembangunan yang menggabungkan kemajuan ekonomi dengan pembangunan rohani dan pembinaan akhlak masyarakat. Masjid Warisan di TRX berpotensi menjadi lambang bahawa Malaysia mampu mengimbangi kemodenan dengan nilai-nilai luhur yang menjadi asas pembinaan tamadunnya.

WADAH berharap semua pihak dapat mengutamakan kebijaksanaan, kesederhanaan dan semangat muafakat dalam membincangkan isu ini demi memelihara perpaduan dan kestabilan negara.

*"Membina Peradaban Ummah, Memperkukuh
Keharmonian Negara."*

HASRI BIN HARUN

Timbalan Presiden

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

SEMINAR INSPIRASI KELUARGA MADANI: "DARI RUMAH KE NEGARA, MENCAPAI KEHIDUPAN SEIMBANG DAN SEJAHTERA

JOHOR, 13 Jun 2026 | Sabtu – Seminar Inspirasi Keluarga Madani telah diadakan di Dewan Cahaya TNB Kempas. Seminar ini anjuran bersama Pertubuhan KASIH Malaysia dengan kerjasama AKM Negeri Johor, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Pulai, LPPKN Negeri Johor, PELITAWANIS TNB Cawangan Johor, SALWA Johor dan WADAH Johor. Seminar ini telah dirasmikan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Pengerusi KASIH Malaysia.

Seramai 700 orang peserta daripada SALWA Negeri Johor, PELITAWANIS, Komuniti Parlimen Pualai, penjawat awam, guru-guru, badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik serta masyarakat setempat telah hadir. Forum bertemakan "Dari Rumah ke Negara: Mencapai Kehidupan Seimbang dan Sejahtera" menampilkan barisan panel berwibawa iaitu Tuan Mohd Zuraimy Yaakob (Pen. Pengarah AKM Negeri Johor), Puan Hajah Mahanom Basri (PEAKOM), Dr. Salmi Jalina Jalil (Pengarah LPPKN Negeri Johor), Puan Norhayati Bidin (Pakar Motivasi Persatuan Inspirasi Rahmah Negeri Johor) dan Puan Hajah Noor Zaini Danian (Pengetua Sekolah Menengah Agama Islam Johor Bahru).

سَلْوَا
SALWA
BERITA
SALWA



USRAH GABUNGAN HEWI, HELWA, SALWA JIWA KUAT, DAKWAH HEBAT: MATA RANTAI KE AKHIR HAYAT



SELANGOR, 20 Jun 2026 | Sabtu – Usrah Gabungan HEWI, HELWA dan SALWA secara fizikal buat pertama kali telah diadakan di Kolej Dar Al-Hikmah dengan kehadiran seramai 70 orang. Usrah dimulakan dengan sarapan bersama yang dibawa (potluck) oleh ahli usrah. Kemudian solat sunat Dhuha diimamkan oleh Ketua SALWA Wilayah Persekutan, Umi Rohani Mohamad, diikuti dengan bacaan al-Mathurat dan ucapan alu-aluan Pengerusi SALWA, Ustazah Nordiran Idris. Pengisian usrah disampaikan oleh Puan Hajah Badariah Ismail, Naqibah SAFWAH SALWA dengan tajuk Jiwa Kuat, Dakwah Hebat bersama moderatornya Farah Fakhira Zahari, Naib Presiden PKPIM (HEWI). Ucapan penutup majlis telah disampaikan oleh Dr. Fatin Nur Majdina Nordin, Naib Presiden ABIM.



FORUM MAAL HIJRAH SEMANGAT HIJRAH: MELANGKAH KELUAR DARI ZON SELESA MENUJU REDHA ALLAH

17 Jun 2026 | Rabu – Siri Kuliah Pagi SALWA yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Ustazah Nourul Iman Nia'mat (Pendakwah Bebas) dan Datin Nur Azlina Abdul Aziz (Pengarah Eksekutif, Rohingya Education Centre (JREC). Seramai 115 orang hadir di talian dan turut disiarkan secara langsung di FB Salwa Malaysia.

Forum membincangkan tentang semangat hijrah dan keyakinan para sahabat kepada perintah Allah dan Rasul. Hijrah bukan semata-mata kenangan sejarah tetapi suatu titik penting untuk dihayati sebagai simbol kekuatan tauhidik, kasih sayang, persaudaraan dan pengorbanan dalam membina diri, keluarga, ummah dan negara yang diberkati. Panel mengajak pendengar untuk menghayati ruhul jihad dan semangat persaudaraan Ansar dan Muhajirin, yang saling membantu tanpa mengira kepentingan diri demi mencari keredaan Allah. Kita semua adalah muhajirin yang sentiasa berhijrah kepada kebaikan dan yang lebih baik.

Daripada forum ini, SALWA telah melancarkan Infaq Hijrah khusus membantu anak-anak dan keluarga pelajar Rohingya Education Centre (JREC) yang tidak dapat bekerja mencari pendapatan harian ekoran tekanan orang ramai yang tidak berpuas hati dengan jumlah peningkatan warga Rohingya di Malaysia.



MUHARRAM: ANTARA SEJARAH, IBADAH DAN IBRAH



27 Jun 2026 | Sabtu – Siri Kuliah Pagi SALWA yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Ustazah Che Zarah Omar (Murabbi SALWA WP). Seramai 67 orang hadir di talian dan turut disiarkan secara langsung di FB Salwa Malaysia.

Muharram dikenali sebagai bulan haram. Di bulan ini terdapat hari penting yang disunatkan juga berpuasa iaitu pada 10 Muharram ('ashura'). Bulan Muharram juga terkumpul beberapa peristiwa besar dalam sejarah para nabi dan menjadi pengajaran penting untuk diteladani dan ditekuni oleh para pendakwah.

SIRI JELAJAH MASJID DI HATIKU

PERAK, 20 Jun 2026 | Sabtu – Program Masjid Di Hatiku telah diadakan di Masjid Jamek Medan Klebang Restu Ipoh. Program anjuran SALWA Negeri Perak dengan kerjasama Biro Wanita Masjid Jamek Medan Klebang Restu Ipoh telah dirasmikan oleh Ustaz Salahudin Abas (Setiausaha Masjid).

Seramai 80 orang peserta daripada kariah masjid telah hadir. Program telah diisi dengan perkongsian ilmu melalui slot “Kesihatan Sejahtera, Ibadah Terpelihara” oleh Dr. Hajjah Farah Syazwani Mohamad Tarmizi (Ketua SALWA Negeri Perak), diikuti slot “Kelebihan Solat Sunat Tasbeih” oleh Ustazah Alya Faqihah serta sesi praktikal Solat Sunat Tasbeih.



ANUGERAH SITI KHADIJAH (TOKOH WANITA) PERAK SEMPENA SAMBUTAN KEMUNCAK MAAL HIJRAH 1448H



TAHNIAH dan syabas diucapkan kepada Ketua SALWA Negeri Perak, Dr. Hajah Farah Syazwani Mohamad Tarmizi, atas penganugerahan sebagai Tokoh Wanita bagi Anugerah Siti Khadijah, sempena Majlis Sambutan Kemuncak Ma'al Hijrah Negeri Perak Darul Ridzuan 1448H.

Dr. Farah Shazwani dilahirkan di Taiping, Perak dan merupakan doktor Pakar Pergigian Restoratif UG15 di Klinik Pergigian Kg. Simee, Perak. Beliau merupakan anak ke 2 daripada 11 orang adik beradik. Dr. Farah telah dikurniakan 6 cahaya mata. Biarpun sibuk dengan kerjaya dan keluarga, beliau sangat aktif menyumbang tenaga sebagai penceramah program kemasyarakatan seperti Seminar STOP: Sekeluarga Tolak Pornografi, Seminar Penuaan Sejahtera dan pernah dijemput sebagai panel bagi Forum Perdana Ehwal Islam RTM TV1 (2010–2014) serta Bual Bicara Fit Sihhat Radio Perak FM RTM (2021–2026). Beliau juga pernah berjaya sebagai Johan Hafazan Al-Quran (Wanita) Peringkat Kebangsaan bagi Jemaah Haji Tahun 2024 yang berlangsung di Mekah Al-Mukarramah.

Dr. Farah merupakan Ketua HELWA ABIM Perak pada sesi 2014–2016 dan sekarang menerajui SALWA Perak sebagai Ketua SALWA Negeri.

Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada lebih ramai wanita untuk terus berbakti, memimpin dan menyumbang ke arah pembinaan masyarakat yang sejahtera dan negara yang diberkati Allah SWT.

